

9 badan silat Melayu daftar dgn Macu thn lalu

15 FEB 1978

Pencak Silat -

SEPANJANG tahun lepas sebanyak sembilan buah badan silat Melayu berada dalam senarai Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu).

Di bawah pengawasan 16 orang guru silat yang berdaftar ialah kira-kira 924 orang ahli silat yang mengikuti latihan mengikut jadual dan tempat-tempat latihan masing-masing.

Pemeriksaan dengan pihak Macu menunjukkan sepanjang tahun lalu sejumlah 173 buah persatuan telah berdaftar di dalam senarainya — termasuk tujuh buah persatuan Tai Chi.

Bilangan para pelatih yang berdaftar menjelang 31 Disember 1977 pula ialah 9,779 orang. Setiap pelatih diperlukan untuk mendaftarkan diri bagi mengikuti latihan setiap tahun.

Sejak pendaftaran diwajibkan bagi setiap orang yang mengikuti sebarang jenis seni pertahanan diri, sebilangan 17,230 orang pernah mendaftarkan diri untuk mengikuti latihan seni-seni ini.

Bertambah

Antara jenis-jenis seni mempertahankan diri yang didaftarkan ialah Tai Chi, Kung Fu, Karate, Tae Kwon Do, Judo, Salam-bang (sejenis seni pertahanan diri orang-orang India), Kendo dan Aikido.

Sementara itu, Setiausaha Persekutuan Silat Singapura Persisi, Encik Johari Uriff berkata

Oleh YAAKUB RASHID

bahawa silat Melayu sebagai sejenis kegiatan jasmani dan sukan makin bertambah popular.

Ini mungkin disebabkan oleh kejayaan dan minat ekoran dari persembahan Pesta Silat Kebangsaan 77 dan Demonstrasi Silat Tiga Negara pada Ogos lepas.

"Sambutan orangramai yang di luar dugaan telah menjadi pendorong yang kuat dalam membangkitkan minat terhadap bidang persilatan Melayu maupun di kalangan masyarakat jiran.

Kerabat

"Tambah pula mutu persembahan yang tinggi oleh kaum kerabat Persisi dan perwakilan dari Indonesia dan Malaysia telah menunjukkan betapa kayanya seni ini," kata Encik Johari.

Kini, katanya lagi, perkembangan dan pertumbuhan yang sihat dapat dilihat dari langkah-langkah yang diambil untuk mengenalkan lagi beberapa jenis silat lain.

Antaranya termasuklah Silat Kuningan Cheribon, Bandangan Asli, Langkah Suci Kuningan dan Silat Sending.

Sejauh ini sebanyak lapan anggota kerabat Persisi ialah Pasak, Himpunan Queenstown, Badan Kesenian Melayu, Perwanit, Peripensis, Pertapis dan Persatuan Bawean Singapura.

Kesemua badan-badan

di atas berdaftar dengan Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (MACU) seperti yang dikehendaki oleh perundangan.

Menurut Encik Johari, sejak pendaftaran bermula dalam 1974 anggota kerabat Persisi tidak menghadapi sebarang kesukaran atau halangan dalam menjalankan kegiatan mereka.

SIBARKAN
SENI SILAT
KPD ORANG
BUKAN
MELAYU
— PERSISI

SETIAUSAHA Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Johari Uriff, semalam menggesa badan-badan kerabat persekutuannya itu supaya menjalinkan usaha-usaha untuk menyebarkan seni silat Melayu kepada orang-orang bukan Melayu.

Bagaimanapun, silat tersebut akan dipelajari oleh orang-orang bukan Melayu itu sebagai salah satu dari kegiatan sukan.

Bila dihubungi di pejabatnya semalam, Encik Johari menyatakan bahawa badan-badan kerabat Persisi boleh memainkan peranan penting dalam usaha menarik orang-orang bukan Melayu dalam mempelajari silat.

Badan-badan kerabat ini boleh menjalankan usaha-usaha itu apabila mereka mengadakan latihan-latihan di balai-balai rakyat dan tempat-tempat lain.

Berminat

"Badan-badan kerabat harus menjalankan usaha-usaha itu untuk membantu Persisi dalam menarik minat orang-orang bukan Melayu untuk mengambil bahagian dalam silat Melayu.

"Kami akan menunjuk-ajar kepada mereka yang berminat jika mereka minta," katanya.

Mengenai penguaman tentang Persisi akan 'buka pintu' kepada orang-orang bukan Melayu itu bulan lalu, Encik Johari menyatakan bahawa setakat ini belum ada seorangpun dari mereka yang bukan Melayu mendaftarkan nama mahupun bertanya.

"Sejauh ini kami belum mendapat sebarang sebutan dari kalangan bukan Melayu," katanya.

Disebabkan itulah maka Persisi berharap badan-badan kerabat akan dapat memainkan perannya dalam membantu usaha ini.

Jika berjaya, maka itu bererti Persisi dan seluruh badan kerabatnya telah dapat menjadikan seni silat ini sebagai satu seni antarabangsa seperti judo dan sebagainya.

52 pelajar dan belia ikuti kursus silat

Pertapis

SERAMAI 52 orang pelajar dan belia telah diterima oleh Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri untuk mengikuti kursus-kursus seni silat anjuran Pertapis.

Dijangka ramai lagi akan mendapat kelulusan Unit tersebut dalam masa tidak lama lagi, kata jurucakap Pertapis. Dia memberitahu, sambutan yang diberikan oleh para belia terhadap kursus yang dianjurkan oleh persatuannya begitu menggalakkan sekali.

Kursus silat yang dianjurkan oleh Pertapis ialah silat gabungan seni tari dan Sunda asli yang baru diperkenalkan.

Ita merupakan salah satu kegiatan untuk menarik para belia daripada kegiatan-kegiatan yang tidak berfaedah.